

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, October 20, 2019 7:57 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Graduan Perlu 'Bayar Balik' Kepada Masyarakat



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

20 OKTOBER 2019 / 21 SAFAR 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

GRADUAN PERLU 'BAYAR BALIK' KEPADA MASYARAKAT



UUM ONLINE: Graduan Universiti Utara Malaysia (UUM) diingatkan untuk 'bayar balik' kepada masyarakat selepas berjaya menempa kejayaan sebaik menamatkan pengajian di universiti.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, kejayaan graduan hari ini adalah hasil usaha pelbagai pihak, justeru graduan perlu membayar balik kepada masyarakat supaya tidak menghampakan harapan mereka dengan menjadi insan yang berkualiti.

Menurutnya, apabila graduan melangkah menceburi bidang pekerjaan, mereka akan berdepan dengan satu dunia baru yang lebih mencabar.

“Ada di antara mereka yang bakal menjawat jawatan tinggi di mana-mana sektor kerajaan atau swasta atau memilih menjadi usahawan, menceburi bidang perniagaan, memilih untuk mendirikan rumah tangga dan sebagainya.

“Pesanan saya, apa jua pilihan kerjaya yang diceburi, jangan lupa bahawa kejayaan yang dimiliki ini adalah hasil usaha pelbagai pihak,” katanya pada Majlis Konvokesyen Ke-32 UUM di Dewan Mu’adzam Shah, semalam.

Naib Canselor berkata, beliau gembira apabila graduan UUM memiliki reputasi baik dan sentiasa menjadi pilihan majikan, malah peratus kebolehpasaran graduan juga berada di tahap membanggakan iaitu 81 peratus.

Menurutnya, sejak penubuhan pada 1984, UUM telah menempa pelbagai kejayaan demi kejayaan yang memberangsangkan, seterusnya melonjakkan nama universiti di persada dunia.

Katanya, universiti bukan sahaja cemerlang dari aspek ranking, malah tenaga akademik UUM juga telah berjaya memenangi beberapa anugerah tertinggi bidang pendidikan negara, kejayaan penerbitan artikel ilmiah dalam jurnal berimpak tinggi dan juga pencapaian kerjaya alumni dalam pelbagai bidang dan sektor industri serta kehebatan pelajar dalam pencapaian akademik dan kokurikulum.

“Selain itu, menyahut titah Tuanku Canselor agar terlibat secara aktif dalam pembangunan masyarakat setempat, UUM telah menggerakkan Projek 1 Pusat Pengajian 1 Daerah (1PP1D) yang akan dapat membantu setiap daerah di negeri Kedah membangunkan program sosioekonomi secara lebih teratur berpandukan bank data yang lengkap dan penggunaan kaedah pelaksanaan *blockchain*.

“Kepakaran universiti di dalam bidang komunikasi dan teknologi maklumat (ICT) juga telah digembleng melalui penglibatan Institute for Advanced and Smart Digital Opportunities UUM dalam kerjasama strategik dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah yang bertujuan untuk membangunkan Pelan Strategik ICT (PSICT) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah yang baharu bagi tempoh lima tahun mulai 2019 hingga 2023,” katanya.

Bagi memastikan universiti kekal relevan kepada isu sivil, sosial, ekonomi dan moral pada masa hadapan, UUM berterusan memberikan sumbangan kepada pembangunan sosio-ekonomi, khususnya negeri Kedah.

Terkini, Naib Canselor berkata, UUM akan menubuhkan Institut Logistik UUM dengan kerjasama PKT Logistics Group Sdn. Bhd. dalam usaha membangunkan hab logistik Zon Ekonomi Sempadan Khas (SEZB) di Bukit Kayu Hitam.

Selain itu, menurutnya, bagi memastikan UUM terus melangkah ke hadapan, UUM telah menetapkan objektif dan rancangan yang jelas untuk berkembang di peringkat antarabangsa, antaranya menjalinkan kerjasama antarabangsa dengan pemain industri dan institusi pendidikan tinggi terkemuka dunia.

"Akhir kata, saya berharap semua graduan tidak melupakan alma mater yakni UUM dan terus menghulurkan sumbangan demi pembangunan kampus tempat pernah menuntut ilmu dan berharap ilmu yang diperolehi di sini akan terus dimanfaatkan untuk kebaikan kemanusiaan sejagat," katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.